

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 FEBRUARI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10

Belanjawan 2023 tumpu jana ekonomi domestik

Belanjawan 2023 dijangka tumpu jana ekonomi domestik

SHAH ALAM - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka memberi penumpuan untuk menjana ekonomi domestik sebagai penambahbaikan dalam Belanjawan 2023 berbanding bajet sama yang dibentangkan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini.

Penganalisis ekonomi UniKL Business School, Profesor Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, penjanaan ekonomi domestik tersebut bakal menjadi enjin kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

Menurutnya, langkah itu selari dengan penurunan prestasi ekonomi global yang dijangka meleset pada tahun ini.

"Jadi dijangka pelbagai insentif termasuk pengekalan kadar dasar semalamans (OPR) yang tidak melebihi tiga peratus tahun ini walaupun jangkaan awal Bank Negara Malaysia (BNM) akan menaikkan OPR lagi sebanyak 0.25 peratus ke 0.50 peratus tahun ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Pada 7 Oktober tahun lalu, kerajaan pimpinan Ismail Sabri membentangkan Belanjawan 2023 yang bertemakan 'Keluarga Malaysia, Makmur Bersama' berjumlah RM372.3 bilion yang terbesar dalam sejarah iaitu mewakili 20.5 peratus daripada KDNK negara.

Dalam pada itu, Aimi Zulhazmi berkata, belanjawan baharu makin mencabar kerana Perdana Menteri berhadapan dengan hutang negara mencecah RM1.2 trillion yang tidak termasuk liabiliti kerajaan semasa.

Menurutnya, peningkatan hutang hampir RM200 bilion antara akhir Jun hingga Disember 2022 menunjukkan dasar fiskal kerajaan terutamanya dalam menanggung subsidi bertambah berlipat ganda ekoran kos sara hidup yang menjadi antara sebab utamanya.

"Jadi jangkaan saya, belanjawan nanti akan lebih kecil berbanding cadangan belanjawan tahun lalu kerana kekangan kewangan, tambahan lagi Perdana Menteri juga telah memaklumkan bahawa kerajaan tidak akan melaksanakan cukai barang dan perkhidmatan (GST) semula.

"Maka kerajaan harus mencari sumber kewangan yang baru bagi menampung perbelanjaan fiskal ini," ujar beliau.



AIMI ZULHAZMI